

m/s 2 & 3



# 'AYAHANDA' TAPAK BAZAR HISAP DARAH

'Orang tengah' tapak bazar Ramadan kaut untung berlipat ganda

Oleh Skwad Khas  
Harian Metro  
am@hmetro.com.my

**RM35K**

Harga tapak 'hot' bazar Ramadan ditawarkan mengikut lokasi

**Kuala Lumpur**

**M**onopoli tapak dan jual dengan harga tinggi. Itu dilakukan individu atau ejen bergelar 'Ayahanda' yang mengaut ke-

untungan berlipat kali ganda dengan menjual tapak bazar Ramadan dan Aidilfitri.

Individu berkenaan dikatakan membolot tapak bazar Ramadan dan Aidilfitri yang diuruskan pihak berkuasa tempatan di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya serta dijual kepada pihak ketiga dengan harga tinggi.

Antara lokasi tapak bazar yang popular ialah Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan

Masjid India, bazar Ramadan Kelana Jaya, bazar Ramadan Sentosa dan beberapa lokasi strategik lain.

Wartawan Harian Metro yang menghubungi beberapa 'Ayahanda' berkenaan turut ditawarkan tapak dengan harga sehingga RM35,000 bergantung kepada lokasi perniagaan.

Seorang individu yang mengaku menguruskan tapak di beberapa lokasi memberitahu harga tapak berbeza mengikut lokasi.

"Saya akan hantar senarai tapak dan lokasi, nanti abang pilih dan kita jumpa, kalau setuju saya akan masukkan nama abang sebagai pembantu jualan di lesen sementara yang dikeluarkan.

"Kalau jadi apa-apa (pemeriksaan) saya akan turun (ke lokasi), jadi tiada isu jika Dewan Bandaraya Kuala Lumpur datang periksa," katanya.

Menurutnya, kebiasaannya peniaga akan menyewa sehingga tiga lot tapak dan sanggup membayar harga yang tinggi kerana lotnya strategik.

"Jika berminat kena beritahu awal sebab ramai yang nak sewa dan sanggup bagi harga tinggi lagi dari ini. Tahun lalu ada yang untung berlipat kali ganda.

"Kalau nak 'deal', kita jumpa depan-depan baru senang untuk saya jelaskan cara bayaran," katanya.

Seorang lagi individu yang juga bergelar Ayahanda mengiklankan sewaan tapak bazar Ramadan di media sosial.

Wartawan yang menghu-

## 'Harga asal sewa tapak RM980 boleh pergi sampai RM8,000'

**Kuala Lumpur:** Persatuan Peniaga dan Penjaja Bumiputera Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mengakui penjualan tapak kepada pihak ketiga berlaku setiap tahun apabila tibanya musim bazar Ramadan.

Presidennya Datuk Seri Rosli Sulaiman berkata, kegiatan berkenaan berlaku setiap tahun disebabkan tiada tindakan tegas daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Tidak ada tindakan tegas dan itu sebab perkara ini berlaku," katanya kepada Harian Metro, baru-baru ini.

Mengambil contoh bazar Ramadan di Jalan Masjid India, di sini, yang mempunyai lebih 200 tapak, Rosli mendakwa pihaknya mendapat maklumat bahawa ada yang sudah 'bertukar tangan'.

"Saya dapat maklumat ada lot yang sudah bertukar tangan baru-baru ini.

"Saya yakin ada dan saya

pasti perkara ini berlaku. Saya juga dimaklumkan ada dalam kalangan peniaga yang sudah biasa berniaga di kawasan Masjid India tetapi mereka tidak mendapat tapak dan sudah tentu membeli tapak ini.

"Kalau di Masjid India sahaja ada lebih 200 tapak tidak boleh dikawal, macam mana kita nak kawal yang lain?" katanya.

Menurutnya, penyewaan tapak kepada pihak ketiga boleh menghasilkan keuntungan berlipat kali ganda berdasarkan kepada strategiknya kawasan perniagaan itu.

"Satu tapak kalau mengikut bayaran lesen hanya dibayar RM980 tidak termasuk deposit RM1,000. Manakala tapak yang dijual kepada orang ketika ini berpandukan kepada kawasan yang strategik.

"Contohnya kawasan persimpangan Semua House dari Jalan Tuanku Abdul Rahman, itu adalah kawasan

harga yang mahal. Boleh pergi sampai RM5,000 ke RM8,000," katanya.


Bagi membanteras kegiatan ini, Rosli yang juga Presiden Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Malaysia menggesa agar PBT bertegas seperti merampas tapak yang didapati dijual kepada pihak ketiga.

"Sekiranya tapak itu didapati dijual kepada orang kedua, tapak itu hendaklah dirampas dan diberi kepada peniaga yang dalam senarai menanti," katanya.

Beliau juga mencadangkan peniaga yang terlibat dalam kegiatan ini agar disenarai hitamkan sehingga lima tahun.


"Jangan beri mereka peluang untuk cabut undi, senarai hitamkan terus. Lima tahun mereka tidak layak untuk masuk mengundi (mendapat tapak lot bazar).

"Mereka ini memang tidak berniaga. Mereka ini dapat tapak, jual sahaja," katanya.



“  
Kalau nak 'deal', kita jumpa depan-depan baru senang 'Ayahanda'”

KEBIASAANNYA peniaga akan menyewa beberapa lot untuk berniaga di bazar Ramadan.



bungsi nombor telefon tertera dimaklumkan lot tapak bazar Ramadan di Sentosa, Jalan Klang Lama sudah habis dan diminta untuk mencari di tapak lain.

"Sini dah habis, kami jual RM5,000 orang sanggup bayar, kalau nak saya cari tapak tetapi di tempat lain," katanya.

Sementara itu, di Petaling Jaya, individu yang mendakwa mengawal daerah terbabit turut menawarkan sewaan tapak bazar Ramadan.

Ketika dihubungi, lelaki terbabit bertanyakan kawasan mana dimahukan untuk disewa dan jenis perniagaan yang ingin dijalankan.

Katanya, terdapat peniaga yang sudah mendapat tempat untuk berniaga dan ingin menyewa tapak di Kelana Jaya.

Dia bagaimanapun tidak mendedahkan jumlah yang perlu dibayar walaupun berkali-kali ditanya.

"Ada peniaga nak jual tapak 'hot'. Nanti jumpa saya," katanya.